



■ OCTAV D SETIADJI

TUMPUAN DI BERLIN, AACHEN

Jerman Barat punyai 300 'pendekar'

-2 DEC 1987

B. Haran (M)

SILAT bukan baru di Eropah,
sebaliknya ia semakin pesat
berkembang. Malah, mereka su-
dah mempunyai Kejuaraan Si-

lat Eropah setiap tahun bermula pada 1984, kata jurulatih Jerman Barat, Octav D Setiadji.

Menurutnya, masyarakat Eropah gemar mempelajari silat kerana kelembutan gerak dan kekemasan langkahnya yang berupaya mempertahankan diri pesilat itu dengan berkesan.

"Sejak Kejuaraan Silat Sedunia di Vienna, Austria, tahun lalu perkembangannya bertambah pesat dan mendapat sambutan luar dugaan daripada kalangan masyarakat Eropah.

"Jumlahnya semakin meningkat dan mereka kini dalam proses memperkemasan lagi penyelenggaraan pertubuhan silat supaya pembabitan lebih menyeluruh daripada masyarakat Eropah dapat dicapai.

"Bukti jelas dapat dilihat dengan penyertaan Yugoslavia, Perancis, Amerika Syarikat dan Sepanyol dalam Kejuaraan Silat Sedunia kali ini. Lebih dari itu, mereka mula mengadakan kejuaraan peringkat kebangsaan di negara masing-masing," kata Octav D Setiadji dari Indonesia.

JADUAL

(HARI INI 2 Disember)

8 min - Upacara pembukaan rasmi.

KHAMIS

2 pagi - Silat Olahraga.

8 min - Silat Olahraga.

JUMAAT

8 pagi - Silat Olahraga.

2 pagi - Silat Olahraga.

8 min - Silat Olahraga.

- Selingan silat oleh bintang filem.

SABTU

2 pagi - Silat Olahraga.

8 min - Silat Olahraga.

AHAD

8 pagi - Silat Olahraga.

2 pagi - Silat Seni.

ISININ

2 pagi - Perlawanan akhir Silat Olahraga.

8 min - Perlawanan akhir Silat Olahraga.

● SEMUA perlawan di Stadium Negara.

Oliver Meschke -2 DEC 1987 mahu buktikan

B. Haran (M)

OLIVER MESCHKE, 14, pesilat termuda dalam Kejuaraan Silat Sedunia keempat di Stadium Negara bermula esok pada mulanya seorang kanak-kanak nakal yang suka bergaduh di sekolah.

Tetapi setelah mempelajari silat olahraga ketika berusia 9 tahun,

Simpati

Menurutnya, ketika kejuaraan ini mula diadakan pada 1982 di Jakarta, cuma 11 negara turut serta, tetapi pada kejuaraan kedua jumlah penyertaan bertambah kepada 15 negara.

"Penyertaan yang semakin bertambah kepada 19 negara dalam kejuaraan kali ini adalah